Soalan 6 hingga soalan 10

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN KAJIAN TEMPATAN
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINTA TAMAN BUDI

Persatuan ini telah mengadakan mesyuarat pada 15 Januari 2017. Sebanyak 55 orang ahli dan tiga orang guru penasihat turut hadir dalam mesyuarat itu. Mesyuarat ini diadakan untuk melantik ahli jawatankuasa baru.

Sepanjang tahun ini, Persatuan Kajian Tempatan bercadang untuk mengadakan pelbagai aktiviti seperti kuiz, ceramah, gotong-royong membersihkan taman permainan, projek mengumpulkan surat khabar lama dan lawatan sambil belajar.

Pada penggal pertama, kuiz akan diadakan antara pelajar-pelajar Tahun 5 dan Tahun 6. Manakala ceramah akan disampaikan oleh guru-guru penasihat dan penceramah-penceramah jemputan.

Gotong-royong membersihkan taman permainan akan diadakan pada penggal kedua. Projek mengumpulkan surat khabar lama dijalankan sepanjang tahun. Persatuan ini juga akan mengadakan lawatan sambil belajar ke kilang mencetak akhbar.

Kami amat berharap agar setiap aktiviti yang *dicadangkan* dapat dilaksanakan. Di samping itu, diharapkan juga persatuan ini akan terus aktif dan maju dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh, 20 JANUARI 2017.

Aw Fai Wong

(AW FAI WONG)
Setiausaha,
Persatuan Kajian Tempatan.

LIVEWORKSHEETS

6. Apakah tujuan mesyuarat itu diadakan?

A. melantik ahli jawatankuasa baru
B. menulis laporan aktiviti persatuan
C. mengadakan lawatan sambil belajar
D. mencari sumber kewangan untuk persatuan

7. Bilakah projek mengumpulkan surat khabar lama dijalankan?

A. penggal kedua
B. sepanjang tahun
C. penggal pertama
D. cuti penggal pertama persekolahan

8. Siapakah yang menyampaikan ceramah?

A. pengerusi dan guru besar
B. guru-guru penasihat dan ahli jawatankuasa
C. setiausaha dan bendahari
D. guru-guru penasihat dan penceramah jemputan

9. Yang berikut ialah aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2017 kecuali

A. kuiz B. ceramah C. pertandingan menyanyi D. lawatan sambil belajar

10. Perkataan *dicadangkan* dalam petikan bermaksud

A. dibuat B. dirancangkan C. diluluskan D. dipersetujui

LIVEWORKSHEETS